

# Pengecualian cukai kemudahan di I-PT-S kurangkan yuran pengajian

UM 20 OCT 2001

KUALA LUMPUR 19 Okt. — Pengecualian cukai ke atas penyediaan kemudahan pendidikan di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) akan menggalakkan lebih banyak lepasan sekolah menyertai institusi berkenaan.

Penasihat Persatuan Kolej-Kolej Swasta Malaysia, Datuk Dr. Yahaya Ibrahim berkata, pengecualian cukai itu akan meringankan beban pengusaha IPTS menyediakan kemudahan pendidikan di institusi masing-masing.

Katanya, apabila beban menyediakan kemudahan itu bertambah ringan, yuran pengajian juga boleh dikurangkan.

“Dengan pengecualian cukai itu,

ueruntukan membiayai kemudahan pendidikan yang tinggi sekarang dapat dikurangkan dan apabila ia berlaku, yuran pengajian juga boleh dikurangkan,” katanya kepada *Utusan* ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas Belanjawan 2002 yang mencadangkan semua IPTS dan institusi bahasa swasta diberi pengecualian duti import, duti eksais dan cukai jualan ke atas peralatan pembelajaran termasuk kelengkapan makmal, bengkel, studio dan makmal bahasa.

Belanjawan 2002 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat, hari ini juga mencadangkan

royalti yang diterima oleh bukan pemastautin dari IPTS bagi skim pendidikan francais diberi pengecualian cukai pendapatan.

Dr. Yahaya berkata, pengecualian cukai itu menunjukkan kerajaan begitu prihatin terhadap perkembangan industri pendidikan swasta.

Menurutnya, pada masa depan iaitu dalam era globalisasi, negara memerlukan lebih banyak sumber tenaga kerja yang terlatih dan mahir.

“Apa sahaja bentuk subsidi yang diberi kerajaan kepada IPTS akan menggalakkan lebih banyak lepasan sekolah menikmati pengajian peringkat tinggi,” katanya.